




**TIMBALAN KETUA PENGARAH
PERKHIDMATAN AWAM (PEMBANGUNAN)**
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel. : 03-88853002
Faks : 03-88892639
E-mel : abkhalil@jpa.gov.my
Web : <http://www.jpa.gov.my>



Rujukan kami : JPA(S)TT.7076 Klt.12 (99)

Tarikh : 29 Julai 2009

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y. B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Tuan / Puan,

**PEMATUHAN KEPADA ARAHAN DI PERENGGAN 9, PEKELILING
PERKHIDMATAN BILANGAN 3 TAHUN 2002 MENGENAI PEMILIKAN DAN
PERISYTIHARAN HARTA OLEH PEGAWAI AWAM**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana pihak tuan / puan sedia maklum, perenggan 9 kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2002 memperuntukkan bahawa setiap pegawai yang baru dilantik ke dalam perkhidmatan awam hendaklah membuat perisytiharan harta setelah melaporkan diri dengan melengkapkan Borang JPA(T)1/02 yang dilampirkan bersama pekeliling berkenaan. Borang yang telah dilengkapkan itu hendaklah dikemukakan kepada Ketua Jabatan tidak lewat daripada tiga puluh hari selepas tarikh pegawai melaporkan diri.

3. Berdasarkan pemantauan Jabatan ini, masih terdapat pegawai yang baru dilantik dan telah melaporkan diri untuk bertugas gagal membuat perisytiharan harta dalam tempoh yang ditetapkan. Keadaan ini menjejaskan hasrat Kerajaan bagi memastikan semua pegawai awam mengisytiharkan harta masing-masing. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah memutuskan supaya peruntukan perenggan 9, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2002 dikuatkuasakan dengan serta-merta.

1. Bagi melaksanakan keputusan Kerajaan tersebut, pihak tuan / puan adalah dikehendaki mengambil tindakan berikut:

4.1 Perisytiharan Harta Melalui Sub Modul Perisytiharan Harta Dalam Aplikasi HRMIS

- (a) Bagi kementerian / jabatan / agensi yang telah melaksanakan aplikasi HRMIS, pihak tuan / puan hendaklah memastikan rekod peribadi pegawai yang baru dilantik selaku pemilik kompetensi perlu diwujudkan sebelum membuat perisytiharan harta melalui Sub Modul Perisytiharan Harta; dan
- (b) Memastikan pegawai membuat perisytiharan harta melalui Sub Modul Perisytiharan Harta dalam tempoh tiga puluh hari daripada tarikh melaporkan diri.

4.2 Perisytiharan Secara Manual

Bagi kementerian / jabatan / agensi yang belum melaksanakan aplikasi HRMIS, pihak tuan / puan hendaklah memastikan semua pegawai yang baru melaporkan diri dibekalkan dengan Borang JPA(T)1/02 dan pegawai tersebut mengemukakan borang yang telah dilengkapi kepada Ketua Jabatan masing-masing dalam tempoh yang ditetapkan untuk diambil maklum.

5. Perhatian dan kerjasama pihak tuan / puan di dalam perkara ini diucapkan terima kasih jua.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

(DATUK AB. KHALIL AB. HAMID)

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan)

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

MALAYSIA

s.k.

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan